



‘SEDIA MENYELAMAT’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM:BKK/013/2/28 (5)
(Our Ref)
Tarikh : 16 Mac 2010
(Date)

Yang Setia

Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Kuala Lumpur,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri P.Pinang,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kedah,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sabah,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Terengganu,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Labuan,
Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat W.P. Putrajaya.

Dato’/Tuan,

GARISPANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN DI PREMIS PERHIMPUNAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dilampirkan Garispanduan Keselamatan Kebakaran Di Premis Perhimpunan Awam untuk kegunaan pegawai Jabatan ini untuk dijadikan panduan dan untuk dipraktikkan bagi sesuatu majlis/acara samada melibatkan pihak kerajaan atau swasta.

3. Justeru itu, mohon tuan untuk mengedar Garis Panduan ini di peringkat Ibu Pejabat Negeri, Zon dan Balai untuk dijadikan panduan dan dipraktikkan bagi maksud seperti di atas.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Keselamatan Kebakaran

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k. i) YAS Ketua Pengarah

ii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

iii) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

iv) Penolong Ketua Pengarah Bahagian



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA

GARISPANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN DI PREMIS PERHIMPUNAN AWAM

1.0 LATARBELAKANG

Kesesakan yang sering berlaku di tempat-tempat perhimpunan dan tumpuan seperti di stadium bola sepak, stadium tertutup badminton, bola keranjang, bola tampar, konsert dan lain-lain, dewan sukan, keramaian, *ballroom* di bangunan tinggi dan sebagainya boleh mengundang risiko kecederaan dan kematian apabila berlaku sesuatu bencana akibat kegagalan melepaskan diri. Kegagalan melepaskan diri adalah disebabkan oleh kesesakan dan kepadatan di pintu keluar, laluan keluar atau lorong keluar dan seterusnya mencetuskan suasana panik dan tidak terkawal.

Oleh yang demikian, garispanduan ini bertujuan memberi pengetahuan dan pendedahan dari aspek keselamatan kebakaran kepada pegawai jabatan ini untuk dipraktikkan bagi sesuatu majlis/acara samada yang melibatkan pihak kerajaan atau swasta.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk menghapuskan dan mengurangkan risiko berlakunya kecederaan dan kematian disebabkan kegagalan melepaskan diri.
- 2.2 Untuk memastikan. pelepasan diri secara sistematik, cepat dan teratur.
- 2.3 Untuk menentukan adanya jalan keluar yang selamat dan mencukupi seperti terkandung di dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- 2.4 Memastikan sistem aktif berfungsi dan berada di dalam keadaan baik

3.0 DEFINISI/TAFSIRAN

Untuk tujuan garis panduan ini, definisi dan terma-terma yang digunakan adalah berkait di antara satu sama lain.

3.1 Tempat Perhimpunan

Tempat samada digunakan oleh orang perseorangan atau orang awam atau kumpulan untuk/atau bagi aktiviti yang berkaitan dengan urusan sosial, sukan, rekreasi, pelajaran, perniagaan, keramaian dan sebagainya (tidak termasuk kediaman kecil, Institusional, kediaman lain, pejabat, kedai, kilang dan storan am-rujuk UUK -Jadual 5, UBBL 1984)

3.2 Pengungsian

Tindakan bersifat sementara/kekal dan dalam keadaan serta merta keluar dari bangunan atau kawasan bencana/berbahaya bagi tujuan menyelamatkan diri.

3.3 Kecemasan

Insiden atau keadaan yang tidak dijangka yang disebabkan oleh kebakaran, letupan, runtuh bangunan, tumpahan bahan kimia, tumpahan minyak, ancaman bom dan bencana alam yang memerlukan tindakan serta-merta.

3.4 Pra-rancang Kecemasan

Tindakan pelan kecemasan yang menjurus kepada penggunaan (Standard of Procedure(SOP) yang lebih spesifik kepada sesuatu kecemasan atau bencana.

4.0 SYARAT AM TEMPAT PERHIMPUNAN

4.1 UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM

UUK 110 - Maka hendaklah tidak ada apa-apa halangan pada sesuatu tangga di antara yang paling tinggi sekali dengan tempat keluar di tingkat bawah.

UUK 133 - Lampu kecemasan mestilah berfungsi. Perlu memastikan tahap kebolehfungsian semasa terputusnya bekalan elektrik.(Jadual 10)

UUK 172 - Tanda Tempat Keluar Kecemasan- (1) Pintu keluar tingkat dan akses kepada pintu keluar tersebut hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang dapat dilihat dengan mudah dan hendaklah tidak dilindungi oleh apa-apa perhiasan, perabot atau kelengkapan lain.

(2) Suatu tanda pembacaan "KELUAR" dengan anak panah yang menunjukkan arah, hendaklah diletakkan di tiap-tiap tempat di mana arah perjalanan menuju ke pintu keluar yang terdekat sekali tidak kelihatan dengan serta-merta.

UUK 178 - Tangga, koridor dan lorong tempat menuju keluar hendaklah diasingkan dari tempat perhimpunan tersebut atau terlindung (tidak dihalang oleh mana-mana objek).

UUK 180 - Beban pendudukan yang dibenarkan di mana-mana tempat perhimpunan hendaklah ditentukan dengan membahagikan keluasan bersih lantai atau ruang yang diperuntukkan bagi kegunaan itu dengan meter persegi bagi seorang penduduk seperti berikut:

(a) kawasan perhimpunan penggunaan tumpuan tanpa tempat duduk tetap seperti auditorium, tempat sembahyang, lantai tari-menari dan bilik inap-0.65 meter persegi bagi seorang;

(b) kawasan perhimpunan yang kurang penggunaan tumpuan seperti bilik persidangan, bilik makan, kedai minuman, bilik pameran, gimnasium atau bilik istirehat-1.35 meter persegi bagi seorang;

(c) bilik berdiri atau ruang menanti-3 meter persegi bagi seorang;

(d) beban pendudukan sesuatu kawasan yang mempunyai tempat duduk tetap hendaklah ditentukan dengan bilangan tempat duduk tetap yang dipasang. Ruang lorong yang dikehendaki bagi kegunaan tempat duduk tetap itu tidak boleh digunakan untuk menambah beban pendudukan itu.

UUK 186 - (1) Semua pintu yang digunakan oleh orang awam hendaklah menghalal keluar dan tidak dikunci.

UUK 187 - Notis atau apa-apa bahan untuk panduan berkaitan pintu keluar yang dilekatkan di pintu atau kawasan persekitaran mestilah ketinggiannya tidak boleh kurang dari 75mm dan mudah dilihat.

5.0 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

5.1 Tanggungjawab tuan punya premis, penyewa premis, pihak penganjur dan sebagainya.

5.1.1 Pihak terbabit akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sesuatu acara/majlis yang dianjurkan.

5.1.2 Melantik seorang atau lebih Pegawai Keselamatan Kebakaran (Fire Safety Officer) yang kompeten bertujuan untuk:

- a) mengkaji risiko-risiko berlaku kebakaran
- b) membuat analisis dan kajian risiko berlaku kebakaran
- c) mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan risiko berlaku kebakaran.

5.1.3 Perlantikan tersebut boleh dibuat di kalangan ahli jawatankuasa pihak penganjur/ pihak tuan punya premis dan mereka yang mahir dengan selok belok premis tersebut.

5.1.4 Tanggungjawab Pegawai Keselamatan Kebakaran adalah untuk memastikan aspek keselamatan kebakaran meliputi aspek pencegahan iaitu bermula dari sebelum, semasa dan selepas sesuatu acara/majlis itu tamat.

5.15 Mengadakan/menyediakan pelan lantai/ *mimic plan* laluan keselamatan kebakaran dan tempat perhimpunan yang selamat.

6.0 TINDAKAN PEGAWAI KESELAMATAN KEBAKARAN YANG DILANTIK

6.1 Tindakan sebelum sesuatu acara/majlis dimulakan.

6.1.1 Mendapatkan dan memahami pelan lantai/*mimic pelan* tempat lokasi penganjuran yang menunjukkan pintu/jalan keluar keselamatan dan biasa, tempat berkumpul yang selamat semasa berlaku kebakaran serta sistem kebombaan yang terdapat di lokasi majlis / acara yang dijalankan.

6.1.2 Mengadakan perbincangan bersama pemunya/penyewa premis bagi membincangkan aspek keselamatan di lokasi acara/majlis dijalankan.

6.1.3 Memastikan sistem aktif diselenggara dan berada di dalam keadaan baik.

6.1.4 Memastikan adanya jalan keluar yang mencukupi dan selamat.

6.1.5 Memberi taklimat dan panduan terhadap aspek keselamatan kebakaran kepada peserta/pengunjung dan kakitangan dan tindakan yang perlu diambil apabila berlaku bencana khususnya kebakaran. Intipati taklimat tersebut merangkumi:

a) memaklumkan dan menunjukkan kepada peserta/pengunjung pintu-pintu keluar dan jalan keluar keselamatan sekiranya berlaku kecemasan serta prosedur-prosedur yang perlu diikuti seperti turutan atau keutamaan kawasan untuk pelepasan diri, tidak panik, dan sebagainya.

- b) memaklumkan semua sistem pasif sediada seperti lokasi-lokasi jalan keluar yang selamat, pintu-pintu keluar, tanda keluar, lampu kecemasan dan pergerakan mengikut kawasan terdekat yang selamat untuk melepaskan diri.
- c) memaklumkan semua sistem aktif sediada seperti semburan automatik, gegelung hos (*hose reel*), sistem pecah kaca (*break glass*), *wet riser*, *dry riser* dan lain-lain lagi.
- d) Tindakan-tindakan lain dan tambahan jika berlaku sebarang kecemasan, nombor dan pegawai untuk dihubungi jika berlaku kecemasan. Penggunaan lif juga hendaklah dilarang semasa berlaku kebakaran.
- e) tindakan dan bantuan awal kepada orang kurang upaya dan warga emas.

6.2 Tindakan semasa acara/majlis berlangsung.

- 6.2.1 Merekod maklumat bilangan kehadiran peserta/pengunjung serta kakitangan yang hadir pada masa tersebut.
- 6.2.2 Memastikan lokasi penganjuran di dalam keadaan yang selamat.
- 6.2.3 Memastikan keadaan lokasi majlis/acara sama seperti diperbincangkan sebelum majlis/acara diadakan.

6.2.4 Memastikan susunan di dalam dewan acara/majlis tidak mengganggu laluan untuk pelepasan diri.

6.2.5 Sentiasa mendapatkan maklumat semasa dari petugas keselamatan keadaan sekeliling kawasan dan lokasi acara/majlis dilangsungkan.

6.3 Apabila berlaku sesuatu bencana khususnya kebakaran tindakan seperti berikut harus diambil:

6.3.1 Kenal pasti jenis kecemasan, buat penilaian risiko, bertindak segera dan aktifkan sistem penggera kebakaran.

6.3.2 Maklumkan kepada bilik kawalan untuk membuat pengumuman pengungsian menggunakan sistem siaraya dan makluman kepada pihak bomba.

6.3.3 Pastikan semua peserta/pengunjung dan kakitangan keluar dengan keadaan segera dan selamat ke kawasan perhimpunan yang telah ditetapkan. Dilarang menggunakan lif untuk tujuan pelepasan diri.

6.3.4 Kenalpasti dan rekod jumlah keseluruhan kehadiran sama seperti yang telah direkod sebelumnya.

6.3.5 Jika keadaan difikirkan selamat, cuba padamkan kebakaran tersebut menggunakan kemudahan sistem kebombaan yang ada. Tindakan mestilah tidak dilakukan secara berseorangan. Jika gagal dikawal, keluar dan tunggu sehingga pasukan bomba tiba.

6.3.6 Jika terperangkap di dalam asap, cuba merangkak di paras paling rendah dan muka menghala ke bawah dan cuba keluar.

6.3.7 Tunggu sehingga pasukan bomba tiba dan pastikan panduan dan segala maklumat diberikan kepada pihak bomba.

6.4 Tindakan selepas acara/majlis dilangsungkan

6.4.1 Memastikan semua peserta/pengunjung dan kakitangan pulang dalam keadaan selamat.

6.4.2 Memastikan keadaan lokasi majlis/acara berada dalam keadaan seperti asal dan selamat.

6.4.3 Memastikan semua peserta/pengunjung dan kakitangan keluar sepenuhnya dari kawasan dan lokasi majlis/acara seperti yang direkodkan sebelumnya.

7.0 KESIMPULAN

Garis panduan ini adalah suatu bentuk langkah-langkah keselamatan dan pencegahan. Ianya diharap dapat menyeragamkan tindakan dan akauntabiliti sebelum, semasa, selepas dan jika berlaku bencana khasnya kebakaran.